

**Hanya Perpaduan Mampu Pertahankan Nikmat Kemerdekaan, Kata MB Perlis Bernama  
31 Ogos 2011**

KANGAR, 31 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Dr Md Isa Sabu hari ini menggesa rakyat pelbagai kaum agar menjaga perpaduan demi mempertahankan kemerdekaan negara.

Beliau berkata hanya menerusi ikatan perpaduan yang sejati kemerdekaan negara dapat dikekalkan memandangkan rakyat kini mengalami perubahan pemikiran.

"Jika kita menghargai nikmat itu (kemerdekaan) marilah kita sama-sama merapatkan jurang perbezaan dan mengutamakan keharmonian," katanya pada Perhimpunan Anak-anak Merdeka, anjuran Komuniti 1Malaysia mukim Arau dan Kawasan Rukun Tetangga Pekan Arau, di sini hari Rabu.

Pada majlis itu, Md Isa dan isteri Datin Seri Asiah Asmuni bersama sekumpulan 'anak merdeka' yang lahir pada 31 Ogos memotong kek hari jadi.

Sementara itu, Pengerusi Komuniti 1Malaysia mukim Arau Zainuddin Hashim berkata majlis itu bertujuan menghimpunkan mereka yang lahir pada 31 Ogos 1957 hingga 2004, dan mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara terdapat kira-kira 600 rakyat Perlis berkongsi tarikh lahir tersebut.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=611098>